

10 JAN 2003

TPM CHINA LAWAT MALAYSIA DARI 11-14 JAN

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri China Li Lanqing akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai esok.

Lawatan Li itu atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijangka akan memberikan beliau gambaran sepintas lalu mengenai Malaysia dan peluang-peluang yang ada bagi kedua-dua negara dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama, menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Li akan melawat Melaka dan Pulau Langkawi. Beliau akan diiringi isteri, Zhang Suzhen, dua menteri, empat naib menteri, pegawai-pegawai kerajaan yang lain, wakil media dan kakitangan keselamatan.

Secara keseluruhannya, delegasi China mengandungi 62 pegawai kerajaan, wakil media dan kakitangan keselamatan, kata kenyataan itu lagi.

Antara program yang diatur termasuk mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Abdullah.

Selepas mengunjungi Malaysia, Li dijangka melawat Myanmar, India, Afrika Selatan dan Thailand.

-- BERNAMA

MFZ AHH JK ROS